



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

30 Januari 2024

### KUMPULAN YAYASAN SABAH BERSAMA MASYARAKAT MENERUSI MCS

**KOTA KINABALU (Selasa):** Kumpulan Yayasan Sabah turut serta menjayakan program Mobile Community Services (MCS) (Perkhidmatan Komuniti Bergerak) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah. Program ini diadakan pada 28 Januari 2024 bertempat di Dewan Sri Gum-Gum, Sandakan. Program setengah hari ini melibatkan lebih 30 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah.

Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah menawarkan beberapa perkhidmatan untuk orang ramai antaranya peluang melanjutkan pengajian di Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYSS) dan University College Sabah Foundation (UCSF). Penyertaan Pusat Kraftangan Sabah (PKS) dan Pejabat Zon Utara Pantai Timur (ZPTU) juga turut memeriahkan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah dengan mengadakan pameran kraftangan yang dihasilkan oleh usahawan tempatan di Sabah.

Program MCS merupakan salah satu usaha kerajaan secara bersepadu untuk mendekati rakyat kepada pelbagai jenis perkhidmatan di lapangan khususnya di luar bandar dan pedalaman yang berhadapan dengan isu-isu kebolehcapaian. Menerusi program ini, Kumpulan Yayasan Sabah merakmatkan perkhidmatan masyarakat setempat menerusi akses dan informasi mengenai aktiviti pendidikan dan pembangunan kapasiti yang diterajui oleh Kumpulan Yayasan Sabah.



**Gambar 1:** Ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di Dewan Sri Gum-Gum, Sandakan.



**Gambar 2:** Para pengunjung diberi penerangan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di Dewan Sri Gum-Gum, Sandakan.



**Gambar 3:** Para pengunjung menyertai aktiviti melukis batik di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah di Dewan Sri Gum-Gum, Sandakan.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel. : 088-326448  
Faks : 088-421526/088-326424  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com